

HARI : \_\_\_\_\_

RABU

TARIKH : \_\_\_\_\_

5/6/2019

M/SURAT : \_\_\_\_\_

1

## Taktik pelekat khas elak kereta kena tarik

- Terdapat 15 jenis pelekat khas dikeluarkan oleh kumpulan penarik kereta, mengikut negeri serta ada logo KPDNHEP.
- Dengan pelekat itu, kenderaan berkenaan tidak akan diganggu oleh mana-mana penarik kereta.

Eksklusif

BERITA  
DIMUKA  
4

4



HARI : RABU  
 TARIKH : 5/6/2019  
 M/SURAT : 4

## Pelekat khas elak kenderaan kena tarik

Oleh ZULHILMI ZAINAL

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 4 Jun - Kumpulan penarik kereta didakwa mengeluarkan pelekat khas yang akan melindungi kenderaan menghadapi masalah hutang dengan bank.

Kenderaan yang mempunyai pelekat itu tidak akan ditarik oleh kumpulan penarik kereta walaupun surat arahan telah dikeluarkan oleh pihak bank.

Perkara tersebut didebakkan Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan yang mendakwa terdapat 15 jenis pelekat khas dikeluarkan oleh kumpulan penarik kereta berkenaan, yang berbeza mengikut negeri serta mempunyai logo agensi kerajaan.

Jelasnya, pengeluaran pelekat tersebut adalah bermotifkan keuntungan semata-mata dan apabila dipasang di kereta maka kenderaan itu tidak akan diganggu oleh mana-mana penarik kereta.

"Pelekat tersebut turut mempunyai logo Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dijual dengan harga tertentu bagi memastikan kenderaan itu boleh bergerak bebas walaupun memiliki tunggakan hutang dengan bank.

"Lebih membimbangkan, dengan pelekat itu juga sindiket menarik kereta itu akan menjual semula kenderaan yang dirampas kepada pihak lain (tidak pulangkan kepada bank) sedangkan pemilik asal akan disenarai hidtam dan lebih buruk-jatuh bankrap.

"Hanya dengan menangkap beberapa nama dan logo di cermin kenderaan, kumpulan 'repo' (perjanjian beli semula) lain tidak akan mengganggu serta tidak akan menarik kenderaan itu walaupun ditemukan," katanya ketika ditemui.

Tambah Nadzim lagi, penarik kereta juga mengutip yuran bulanan daripada pemilik asal kereta selain kereta itu diguna pakai bagi menjalankan perniagaan cagar dan gadai kenderaan yang masih menjadi milik bank dengan

kadar faedah 20 peratus.

"Sebagai contoh, bayaran ansuran sebuah kereta jenis Toyota Velfire adalah sebanyak RM2,500, dengan menampal pelekat ini sahaja pemilik baharu kereta cuma perlu bayar RM500 sebulan kepada sindiket pelekat tersebut tanpa perlu membayar kepada pihak bank.

"Harga satu pelekat antara RM3,000 hingga RM6,500, di situ mereka akan mendapat untung," katanya.

Sementara itu, beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa kenderaan yang memamerkan pelekat berkenaan juga menggunakan insurans palsu atau kenderaan itu diinsuranskan di bawah nilai pasaran sebenar.

"Terdapat juga kes yang mana kenderaan masih dalam pinjaman sewa beli diinsuranskan menggunakan insurans pihak ketiga atau kebakaran dan kecurian sahaja.

"Sekiranya berlaku kecurian mahupun kebakaran, pemilik asal kenderaan akan berhadapan dengan masalah tuntutan insurans," ujarnya.